

30/11/1997

Pinjaman IMF: Pas sokong tindakan kerajaan

Nasir Hassan

KOTA BHARU: Pas menyokong langkah kerajaan tidak meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dalam menghadapi masalah kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham sekarang. Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata tindakan itu wajar kerana amalan berhutang boleh menyebabkan seseorang itu lalai dengan kemewahan yang ada.

"Hari ini kita boleh berbangga dengan kekayaan yang diperoleh melalui pinjaman tanpa memikirkan kesan yang akan kita tanggung kerana terpaksa membayar faedah yang tinggi."

"Seboleh-bolehnya kita jangan amalkan tabiat berhutang kerana boleh memerangkap kita kerana perbuatan itu."

"Oleh itu, tindakan Malaysia cuba mengelakkan daripada menerima bantuan IMF dalam menghadapi masalah ekonomi sekarang ini memang wajar," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Pas di Gelanggang Seni, di sini, semalam.

Hadir sama di majlis itu, Timbalan Pesuruhjaya Pas Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman, yang juga Timbalan Menteri Besar; Setiausaha Badan Perhubungan Pas negeri, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah dan Yang Dipertua Pas kawasan Kota Bharu, Datuk Halim Mohamed.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Malaysia akan cuba bertahan daripada meminta bantuan IMF dalam menghadapi masalah ekonominya kerana langkah itu hanya akan menambah beban rakyat.

Menurut Perdana Menteri, syarat yang ditetapkan mengikut bantuan IMF itu tidak menjurus sangat kepada usaha membantu negara yang menghadapi masalah, tetapi lebih bertumpu kepada meningkat keupayaan negara membayar semula hutang kepada bank dan institusi kewangan asing.

Nik Abdul Aziz menarik perhatian, bahawa Kelantan boleh 'hidup' tanpa berhutang daripada mana-mana pihak sejak mengambil alih teraju pentadbiran negeri ini pada 1990.

Menurutnya, ini berikutan sikap sederhana yang menjadi amalan dalam pentadbiran kerajaan negeri pimpinannya.

Beliau yang juga Pesuruhjaya Pas negeri meminta Kerajaan Pusat melaksanakan skim subsidi baja padi secara adil iaitu kepada rakyat yang berhak menerimanya.

Katanya, berikutan pengagihan baja padi yang tidak adil itu menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menyediakan peruntukan RM3.5 juta setahun.

(END)